

Tahap Kefahaman Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ): Kajian Terhadap Pelajar Sekolah Menengah Agama Parit Raja, Batu Pahat, Johor

Shah Rul Anuar Nordin¹, Halimi Mohd. Khalid², Nur Zainatul Nadra Zainol³, Intan Farhana Saparuddin⁴, Nik Kamal Wan Mohamed⁵, Siti Marpuah⁶ & Wan Aaina Mardhiah Wan Zahari⁷

¹ Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
shahrul@uthm.edu.my,

² Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
halimi@uthm.edu.my

³ Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
nadra@uthm.edu.my

⁴ Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
intan@uthm.edu.my,

⁵ Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
kamal@uthm.edu.my,

⁶ Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
marpuah@uthm.edu.my,

⁷ Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
mardhiah@uthm.edu.my,

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti tahap kefahaman akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) pelajar Sekolah Menengah Agama Parit Raja (SMAPR), Batu Pahat, Johor. Kajian ini berbentuk kuantitatif statistik deskriptif. Sebanyak 105 borang soalselidik telah diedar kepada responden yang terdiri daripada pelajar Tingkatan 3 di SMAPR. Data daripada borang soal selidik kemudiannya dianalisis menggunakan perisian SPSS 12.0. Hasil kajian mendapat bahawa tahap kefahaman pelajar SMAPR terhadap akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) berada pada tahap yang tinggi. Berdasarkan hasil analisis, dua elemen yang mempunyai nilai min skor paling tinggi ialah elemen kefahaman pelajar tentang Rukun Iman ada 6 perkara dan Rukun Islam ada 5 perkara iaitu 5.00. Secara keseluruhannya pelajar sangat faham tentang akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ). Walaupun begitu, usaha pemantapan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) perlu sentiasa dilakukan melalui bidang pendidikan untuk kelestarian insan.

Kata Kunci: Kefahaman; Akidah; Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ); Sekolah Menengah Agama Parit Raja (SMAPR)

PENGENALAN

Pendidikan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) di Malaysia perlu diberi penekanan sejak daripada sekolah rendah, menengah hingga ke peringkat universiti kerana golongan muda mudah

terpengaruh kepada ajaran sesat. Ini kerana golongan remaja merupakan teras kekuatan Islam dan berperanan besar dalam mendukung kelestarian agama Islam pada masa hadapan.

PERNYATAAN MASALAH

Musuh-musuh Islam daripada dalam seperti Syiah, Wahabi dan Islam Liberal sentiasa mencari jalan untuk menghancurkan akidah remaja Islam. Ramai remaja yang tidak sedar bahaya serangan pemikiran seperti ini. Misalnya menurut Mohamed Fairooz Mohamed Fathillah et.al. (2016), ajaran Syiah¹ telah tersebar di negeri Selangor, justeru merosakkan akidah Islam yang sebenar dalam kalangan umat Islam.

Kajian seperti ini adalah penting dalam memastikan akidah umat Islam di Malaysia berasaskan kepada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) sahaja. Selain itu, hasil kajian ini boleh memberi maklumat bagi tujuan intervensi awal bagi membendung ajaran yang menyimpang daripada akidah ASWJ daripada tersebar di kalangan pelajar sekolah. Justeru, kertas kerja ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kefahaman pelajar Sekolah Menengah Agama Parit Raja (SMAPR), Batu Pahat, Johor tentang akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Data diperolehi melalui tinjauan berdasarkan borang soalselidik yang diedarkan kepada 105 borang soalselidik telah diedar kepada responden yang terdiri daripada pelajar Tingkatan 3, Sekolah Menengah Agama Parit Raja (SMAPR), Batu Pahat, Johor. Ia kemudiannya dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Sciences* (SPSS) 12.0 dengan menggunakan peratusan dan kekerapan.

Reka Bentuk Kajian

Data-data diperolehi menerusi kaedah borang soalselidik (Skala Likert).

Persampelan Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 105 orang pelajar Tingkatan 3, Sekolah Menengah Agama Parit Raja (SMAPR), Batu Pahat, Johor.

Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) Secara Ringkas

Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) adalah kumpulan yang berpegang teguh dengan Al-Quran, Sunnah Rasulullah s.a.w. dan perkara yang dibawa oleh para Sahabat r.a. serta menentang perkara bida'ah. Nama lain Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) adalah ahli Sunnah, al-Jamaah, *al-Salaf al-Soleh*, ahli al-Hadis. Nama Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) muncul setelah berlaku perpecahan di kalangan umat Islam selepas zaman Rasulullah s.a.w. dan Sahabat r.a. Nama Ahli

¹ Menurut Christoph Marcinkowski (2013), keahlian Syiah paling ramai adalah dari kalangan graduan universiti. Laman sosial seperti Facebook adalah medium untuk menyebarkan ideologi dan fahaman Syiah di Malaysia untuk merekrut lebih ramai ahli mereka (Mohamad Jarpani Syopiyan et.al.)

Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) dimasyurkan oleh Abu Hasan al-Asy'ari dan Abu Mansur al-Maturidi. Istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) ini adalah gabungan perkataan ahli, al-Sunnah dan al-Jamaah. Dinamakan Ahli Sunnah kerana mereka menerima dan beramal dengan Sunnah Rasulullah s.a.w. manakala al-Jamaah kerana mereka berkumpul di atas kebenaran, bersatu untuk berjihad melaksanakan *amar makruf* dan *nahi munkar* serta menghidupkan Sunnah dan menentang perkara bidaah. Berikut adalah prinsip-prinsip akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ):

1. Berpegang teguh dengan al-Quran dan al-Sunnah.
2. Berpegang dengan prinsip *al-Salaf al-Soleh*.
3. Jika terdapat perselisihan pandangan, mereka merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah.
4. Mereka tidak mencela dan mengkafirkan orang yang tidak sealiran dengan mereka.
5. Mereka tidak menghukum kecuali terdapat bukti yang sahih.

Pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) terhadap beberapa isu akidah:

1. Al-Quran bukan makhluk; Mereka yakin al-Quran adalah kalam Allah yang bersifat qadim dan bukan makhluk iaitu bersifat baru.
2. Melihat Allah; Menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) orang mukmin dapat melihat Allah di Syurga pada Hari Kiamat sebagaimana yang disebutkan dalam al-Quran dan Hadis Sahih.
3. Pelaku dosa besar; Orang yang melakukan dosa besar tetap dikira sebagai mukmin kerana imannya masih ada tetapi dikira fasik kerana telah melakukan dosa besar.
4. Iman bertambah dan berkurang; Ahli Sunnah berpendapat bahawa iman seseorang boleh bertambah dan berkurang. Iman bertambah dengan melakukan amalan seperti solat dan zikir. Iman boleh berkurang apabila seseorang melakukan maksiat atau kejahanatan seperti mencuri dan menipu.

Analisis Kajian

Data Demografi Pelajar

Berdasarkan kepada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden pada Bahagian A, analisis tertumpu kepada jantina, umur, tingkatan pengajian semasa mereka mengikuti pengajian di Sekolah Menengah Agama Parit Raja (SMAPR), Batu Pahat. Kajian ini melibatkan seramai 105 orang pelajar tingkatan 3 yang terdiri daripada 35 orang pelajar lelaki dan 70 orang pelajar perempuan. Pelajar lelaki mewakili 33.33% dan pelajar perempuan mewakili 66.66%. Jadual di bawah menunjukkan bilangan dan peratusan responden bagi pelajar yang terlibat mengikut jantina.

Jadual 1: Taburan Bilangan dan Peratusan Pelajar

Jantina	Bilangan	Peratusan
Lelaki	35	33.33
Perempuan	70	66.66
Jumlah	105	100

Kefahaman Responden Berkaitan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ)

Perbincangan di bahagian B pula bertujuan menjawab objektif kajian bagi mengetahui tahap kefahtaman pelajar terhadap akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) yang dibentuk mempunyai hubungan yang signifikan, pengkaji menggunakan pendekatan kuantitatif di mana min skor dan min ukuran digunakan bagi melihat tahap kefahtaman pelajar terhadap elemen akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) yang telah ditentukan. Daripada Skala Likert yang dianalisis, satu kaedah pengiraan nilai ditemui bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang data yang dikumpul.

Jumlah Nilai	=	Kekerapan setiap jawapan x nilai bagi setiap jawapan
Nilai Min	=	Jumlah Nilai
		Jumlah Responden
Selang Skala Min	=	Nilai Tertinggi – Nilai Terendah Bilangan Nilai (Tahap)

Kaedah yang diguna dalam penganalisisan data yang didapati daripada soal selidik adalah seperti berikut berdasarkan selang skala min Levin dan Rubin (2000). Selang skala min adalah seperti jadual di bawah:

Jadual 2: Selang Skala Min Levin dan Rubin

Tahap Persetujuan	Nilai Min
Rendah	1.00 – 2.33
Sederhana	2.34 – 3.66
Tinggi	3.67 – 5.00

Berdasarkan pada analisis yang telah dijalankan melalui borang soal selidik, secara keseluruhannya menunjukkan nilai min skor serta min ukuran bagi menentukan elemen kefahtaman pelajar terhadap akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ). Kesemua elemen yang dinyatakan pada bahagian B telah dipersetujui oleh responden pada tahap yang tinggi untuk difahami oleh mereka. Kesesuaian ini diukur berdasarkan nilai min ukuran dan min skor. Nilai min skor adalah merujuk kepada nilai logit. Menurut Hasan (2012), jika nilai logit semakin besar, ini menunjukkan responden semakin mudah memperakui item-item yang dikemukakan sebaliknya jika nilai logit semakin kecil pula menunjukkan responden semakin sukar memperakui item-item yang diberikan:

Jadual 3: Analisis Secara Keseluruhan Konstruk Pada Bahagian B

ENTRY	TOTAL	MODEL	INFIT	OUTFIT	PT-MEASURE	EXACT MATCH							
NUMBER	SCORE	COUNT	MEASURE	S.E.	MNSQ	ZSTD	MNSQ	ZSTD	CORR.	EXP.	OBS%	EXP%	Item
-----	+-----+	+-----+	+-----+	+-----+	+-----+	+-----+	+-----+	+-----+	+-----+	+-----+	+-----+	+-----+	-----
7	125	105	3.66	.19	1.51	1.4	3.47	3.8	.05	.26	90.5	84.9	B7

	12	166	105	2.84	.11 .88	-.6 1.09	.4 .31	.41 34.3	50.4 B12	
	6	425	105	.71	.11 .84	-.9 .84	-.8 .82	.61 22.9	43.4 B6	
	11	434	105	.60	.11 .99	.0 .84	-.8 .16	.59 68.6	42.7 B11	
	1	481	105	-.19	.15 1.51	2.0 .67	-1.6 .78	.43 84.8	68.3 B1	
	9	490	105	-.43	.17 1.15	.7 1.10	.5 .18	.39 62.9	72.8 B9	
	8	502	105	-.88	.22 .83	-.5 .96	.0 .25	.32 74.3	79.3 B8	
	5	508	105	-.1.21	.25 .70	-1.0 .69	-1.1 .47	.29 87.6	84.3 B5	
	10	519	105	-.2.34	.42 1.04	.2 1.04	.3 .07	.18 94.3	94.4 B10	
	4	521	105	-.2.77	.51 1.02	.2 .90	.0 .10	.15 96.2	96.3 B4	
	2	525	105	-.5.39	1.83	MINIMUM MEASURE	.00	.00 100.0	100.0 B2	
	3	525	105	-.5.39	1.83	MINIMUM MEASURE	.00	.00 100.0	100.0 B3	
-----+-----+-----+-----+-----+-----										
MEAN	435.1	105.0	-.90	.49 1.05	.2 1.16	.1		71.6	71.7	
S.D.	133.6	.0	2.68	.61 .26	.9 .78	1.4		24.0	19.0	
-----+-----+-----+-----+-----+-----										

Jadual 4: Min Setiap Item Kefahaman Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ)

Elemen	Nilai Min Skor	Nilai Min Ukuran
B01 Mengenali Allah melalui 4 sifat	4.58	-0.19
B02 Rukun Iman ada 6 perkara	5.00	-5.39
B03 Rukun Islam ada 5 perkara	5.00	-5.39
B04 Ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah daripada Rasulullah SAW	4.96	-2.77
B05 Rujukan saya adalah al-Quran, al-Sunnah, Qias dan Ijmak	4.84	-1.21
B06 Bid'ah hasanah dan bid'ah sayyi'ah	4.04	0.71
B07 Membahagikan tauhid kepada tiga iaitu Rububiyyah, Uluhiyyah & Asma Wal Sifat	1.19	3.66
B08 Membaca Doa Qunut pada Solat Subuh	4.78	-0.88
B09 Pernah bertawasul ketika berdoa	4.67	-0.43
B10 Menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai idola	4.94	-2.34
B11 Sentiasa membaca surah Yasin dan Tahlil pada setiap malam Jumaat	4.13	0.60
B12 Beramal dengan dua jenis sifat iaitu sifat mazmumah dan sifat mahmudah	1.58	2.84

Perbincangan

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa nilai min skor bagi elemen kefahaman pelajar terhadap akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) adalah pada tahap yang tinggi. Berdasarkan hasil analisis, elemen kefahaman pelajar terhadap akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) yang mempunyai nilai min skor paling tinggi ialah item kefahaman pelajar tentang rukun Iman ada 6 perkara dan rukun Islam ada 5 perkara iaitu 5.00. Ini menunjukkan pelajar memberikan tahap persetujuan yang tinggi terhadap item tersebut. Terdapat dua item yang mempunyai nilai min skor paling rendah dan perlu digugurkan atau lebih tepat lagi iaitu item yang mana pelajar tidak faham iaitu item membahagikan tauhid kepada tiga iaitu Rububiyyah, Uluhiyah & Asma Wal Sifat iaitu nilai min skor adalah 1.19 dan item beramat dengan dua jenis sifat iaitu sifat mazmumah dan sifat mahmudah iaitu nilai min skor adalah 1.58.

RUMUSAN

Kesimpulannya, hasil kajian mendapati bahawa tahap kefahaman akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) pelajar SMAPR adalah tinggi. Walaupun begitu, usaha pemantapan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) perlu dilakukan secara berterusan melalui bidang pendidikan untuk kelestarian insan pada masa hadapan.

PENGHARGAAN

Kajian ini dijalankan oleh para penyelidik Kumpulan Fokus (FG) Islamic Civilization And Culture (IC2), Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK) dan Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (IASWJ) UTHM.

RUJUKAN

- Marcinkowski, Christoph. 2013. *The Iranian Shi`i Diaspora in Malaysia*. [http://www.mei.edu/content/iranian-shii-diaspora-malaysia; di akses 5 Sept. 2018]
- Mohamad Jarpani Syopiyan et.al. 2017. Sorotan Perkembangan Hubungan Gerakan Syiah Di Malaysia: Penilaian Menerusi Facebook. *Jurnal Pengajian Islam*. Bil. 10, Isu II, Hal. 127-140.
- Mohamed Fairooz Mohamed Fathillah et.al. 2016. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Tahap Pengetahuan Belia Islam Terhadap Kefahaman dan Amalan Ajaran Syiah: Satu Kajian Di Negeri Selangor. Vol 3 Bil 2, Hal. 220-236.